



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj. Kami : JKPNM(BP) 400-8/3/2/26 ()

Tarikh : 6 September 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Datuk/ Tuan/ Puan,

SURAT ARAHAN PENERIMAAN PELBAGAI JENIS KENDERAAN RASMI JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI MELAKA (SEWA BELI) TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri melalui semakan Belanjawan tahun 2019 telah membuat *'task force'* ke atas keperluan kenderaan selain permohonan dengan mengambil kira kenderaan-kenderaan yang telah melepasi jangka hayat serta tidak ekonomik untuk dibaiki. Lanjutan daripada itu, Jabatan ini telah mengambil tindakan untuk melaksanakan pembelian kenderaan jabatan setelah menilai keperluan dan fungsi jabatan secara kaedah sewa beli.

3. Bagi tujuan tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 24 April 2019 telah meluluskan cadangan pembelian 45 buah kenderaan jabatan pelbagai jenis yang telah dikenal pasti bagi menggantikan kenderaan jabatan yang telah mencapai usia penggunaan melebihi 10 tahun melalui agensi kerajaan negeri iaitu Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) dengan membuat pinjaman dengan Institusi Perbankan.

4. Justeru itu, 45 buah kenderaan pelbagai jenis tersebut akan diserahkan kepada Jabatan-Jabatan penerima dengan syarat-syarat seperti berikut:-

4.1 Penyelenggaraan

- 4.1.1 Kos penyelenggaraan (meliputi pembaikan enjin, tayar, pembaikan kerosakan dan pertukaran alat ganti) adalah di bawah tanggungjawab Jabatan-Jabatan Penerima dengan menggunakan peruntukan sedia ada.
- 4.1.2 Jabatan-Jabatan Penerima adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara Kenderaan tersebut berdasarkan tarikh yang ditetapkan di dalam *manual* kenderaan tersebut.
- 4.1.3 Kenderaan yang masih di bawah jaminan/ *warranty* hendaklah di selenggara di pusat servis yang telah ditetapkan oleh pembekal kenderaan tersebut.



4.2 Kos Bekalan Bahan Api Kenderaan dan Kad *Touch N Go*

Kos bekalan bahan api kenderaan dan Kad *Touch N Go* adalah di bawah tanggungjawab Jabatan-jabatan penerima dengan menggunakan peruntukan sedia ada.

4.3 Nombor Pendaftaran Kenderaan/ *Chasis*/ Enjin

Nombor pendaftaran Kenderaan, no. *chasis* dan no. enjin tersebut yang digunakan adalah milik Kerajaan Negeri Melaka dan tidak boleh dipindahmilik atau diserahkan kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

4.4 Aksesori

4.4.1 Jabatan-jabatan penerima hendaklah memastikan aksesori yang dibekalkan dalam keadaan baik dan tidak dibenarkan membuat pertukaran/ jual dan hendaklah didaftarkan bersekali dengan kenderaan tersebut.

4.4.2 Pengubahsuaian spesifikasi/ tambahan aksesori bagi kenderaan hak milik Kerajaan Negeri adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pengawal tertakluk kepada kesesuaiannya dengan fungsi kenderaan tersebut dan undang-undang/ peraturan yang berkuatkuasa.

4.5 Insurans dan Cukai Jalan

4.5.1 Jabatan-Jabatan Penerima hendaklah memastikan kenderaan tersebut telah dilindungi oleh insurans dan cukai jalan bagi tahun pertama hingga kelima.

4.5.2 Jabatan-Jabatan Penerima hendaklah bertanggungjawab membayar serta menguruskan proses pembaharuan perlindungan insurans seperti berikut bagi tahun kedua hingga kelima. Bayaran tersebut akan dibuat setahun sekali iaitu dua (2) bulan awal dari tarikh tamat tempoh.

- i. Kenderaan tersebut, pemandu dan penumpang; dan
- ii. insurans pihak ketiga

4.5.3 Sekiranya berlakunya kemalangan dan ada kerosakan ke atas kenderaan tersebut, Jabatan-jabatan penerima bertanggungjawab untuk menguruskan sendiri tuntutan perlindungan insuran dari pihak takaful/ insurans.

4.6 Borang Penerimaan Aset Alih - KEW.PA-1

Pengesahan penerimaan hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Penerima selepas pemeriksaan berjaya dilaksanakan dengan menggunakan **Borang Penerimaan Aset Alih - KEW.PA-1 (Lampiran A)**

4.7 Borang Penolakan Aset Alih - KEW.PA-2

Borang Penolakan Aset Alih KEW.PA-2 (Lampiran B) hendaklah disediakan oleh Pegawai Penerima jika terdapat kerosakan, kuantiti kurang atau lebih atau tidak mematuhi spesifikasi.

4.8 Daftar Harta Modal - KEW.PA-3

Jabatan-Jabatan Penerima hendaklah mendaftarkan kenderaan-kenderaan tersebut di dalam borang **KEW.PA-3 (Lampiran C)** seurus menerima aset tersebut.

4.9 Rekod Penyelenggaraan Aset Alih - KEW.PA-15

Jabatan-Jabatan Penerima hendaklah merekod butiran kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dibuat ke atas kenderaan-kenderaan tersebut di dalam borang **KEW.PA-15 (Lampiran D)**.

4.10 Kehilangan/ Kecurian

4.10.1 Sekiranya berlaku kehilangan/ kecurian ke atas kenderaan tersebut, Jabatan-jabatan penerima hendaklah memaklumkan kepada Ketua Jabatan/ Pegawai Pengawal dan membuat laporan polis segera.

4.10.2 Laporan kehilangan/ kecurian hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.


5. Untuk makluman, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri juga ingin memberi peringatan bahawa, **Jabatan-jabatan penerima hendaklah membuat pelupusan ke atas kenderaan lama setelah mendapat kenderaan baru.** Ianya adalah bertujuan bagi mengelakkan berlakunya pertambahan perbelanjaan mengurus. Laporan pelupusan hendaklah dikemukakan ke Unit Perolehan Negeri, JKPNM untuk semakan dan rekod. Selain itu, Jabatan-jabatan penerima hendaklah memastikan semua tindakan yang diambil adalah betul dan teratur mengikut tatacara kewangan/ pekeliling-pekeliling yang berkaitan serta prosedur yang berkuatkuasa.

6. Surat Arahan Penerimaan Pelbagai Jenis Kenderaan Rasmi Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Melaka (Sewa Beli) ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan ke Unit Pentadbiran, JKPNM di talian 06-2307467/ 7528/ 7805.

Sekian, terima kasih.

“MELAKA BERWIBAWA”
“PINTAR, HIJAU, BERSIH”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HANAFI BIN SAKRI)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

s.k.

Pengurus Besar
Perbadanan Ketua Menteri
Aras Bawah, Menara MITC
Kompleks MITC, Ayer Keroh
MELAKA

Bendahari Negeri
MELAKA

SEPERTI SENARAI EDARAN

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
MELAKA
(u.p: Timbalan Setiausaha Kerajaan(Khidmat Pengurusan)
(u.p: Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset)
2. Sahibus Samahah Mufti
Jabatan Mufti Negeri
MELAKA
3. Pengarah
Pejabat Pertanian Negeri
MELAKA
4. Pengarah
Pejabat Tanah dan Galian
MELAKA
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
MELAKA
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
MELAKA
7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
MELAKA
8. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
MELAKA
9. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
MELAKA
10. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
MELAKA

11. Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri
MELAKA
12. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
MELAKA
13. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
MELAKA
14. Pengarah Sumber Air
Badan Kawal Selia Air
Aras 5, Blok Bentara Seri Negeri
75450 Ayer Keroh
MELAKA
15. YB Penasihat Undang-Undang Negeri
MELAKA